

16 NOV 2003

Subramaniam-MIC

HENTIKAN SEGERA KEKECOHAN, KATA SUBRAMANIAM

PULAU PINANG, 16 Nov (Bernama) -- Timbalan Presiden MIC Datuk S. Subramaniam meminta semua pihak supaya segera menghentikan kontroversi yang timbul antara presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu dan presiden Parti Barisan Progresif India Malaysia (IPF) Datuk M.G. Pandithan.

Di sebalik kekecohan tersebut, katanya, masyarakat India dari parti komponen Barisan Nasional (BN) perlu menumpukan perhatian kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Subramaniam berkata kontroversi itu tidak perlu dipanjangkan dan semua pihak perlu menumpukan perhatian bagi menggerakkan jentera parti masing-masing bagi memastikan BN memperolehi kemenangan besar pada pilihan raya umum nanti.

Bercakap kepada pemberita selepas menutup Seminar Pendidikan Kepenggunaan di sini hari ini, beliau berkata, kontroversi yang timbul antara Samy Vellu, Pandithan dan Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kayveas perlu segera dihentikan.

Kekecohan antara pemimpin parti itu timbul bulan lepas apabila Pandithan menggesa Samy Vellu berundur daripada MIC berikutan nasihat bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, bahawa pemimpin veteran perlu memberi laluan kepada pemimpin muda dalam pilihan raya umum nanti.

Gesaan Pandithan itu menimbulkan reaksi daripada parti MIC manakala Kayveas pula berkata kepimpinan Samy Vellu masih diperlukan oleh MIC.

Dalam pada itu, Samy Vellu pula meminta presiden IPF itu supaya "jangan bermain dengan api" dan mendakwa bahawa Pandithan membuat kenyataan palsu dalam borang pencalonan pingat kebesaran bahawa Kumana Pupathi Athimulam yang lebih dikenali dengan nama pena Athi Kumanan adalah timbalan presiden IPF.

Athi Kumanan adalah penasihat jabatan pengarang akhbar Tamil, Malaysia Nanban Daily.

Berikutan pendedahan tersebut, beberapa pihak daripada MIC membuat laporan polis bahawa Pandithan telah memalsukan keterangan tentang Athi Kumanan manakala anggota IPF pula membuat laporan polis mengenai dakwaan Samy Vellu itu.

Subramaniam, yang juga Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata semua pihak tidak perlu bertelagah mengenai laporan tersebut dan membiarlah polis menyiasat serta membuat keputusan mengenainya.

-- BERNAMA

SA DC BK